

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan sejak pembentangan Kertas Putih ke arah Kelestarian FELDA di Parlimen pada April 2019 yang lalu.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kertas Putih FELDA yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019 telah menggariskan pelbagai strategi untuk dilaksanakan dalam tempoh jangka pendek, sederhana dan panjang. Antara strategi utama yang telah dan sedang dilaksanakan adalah menambah baik tadbir urus korporat, menangani masalah aliran tunai, merasionalisasi pelaburan dan kepentingan, memperkasa peneroka, mengukuhkan sistem perakaunan dan meningkatkan penglibatan dalam aktiviti hiliran. Secara keseluruhannya, kesemua strategi yang dirancang di bawah Pelan Pemulihan FELDA telah dan sedang giat dilaksanakan.
2. Pelaksanaan kesemua strategi tersebut disokong melalui peruntukan kewangan termasuk pemberian jaminan Kerajaan berjumlah RM6.23 bilion yang diberikan dalam tempoh 4 tahun. Peruntukan tersebut terdiri daripada Program Pembangunan Peneroka (PPP) bagi mendapatkan hasil baharu berjumlah RM1 bilion, penyiapan projek terbengkalai Perumahan Generasi Baharu FELDA atau PGBF berjumlah RM250 juta, penghapusan faedah hutang kebun peneroka berjumlah RM2 bilion, pemberian pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil kepada peneroka berjumlah RM480 juta dan pemberian jaminan ke atas penstrukturran semula pinjaman FELDA berjumlah RM2.5 bilion.
3. Di bawah Program Pembangunan Peneroka bagi mendapatkan hasil baharu atau PPP, FELDA telah melaksanakan projek rintis di FELDA Bukit Rokan di atas tanah seluas 77 ekar. Projek Rintis ini dijadualkan untuk mula beroperasi sepenuhnya pada bulan November 2020 dengan penyertaan awal daripada 80 orang peneroka dan generasi baharu. Unjuran pendapatan tambahan yang akan diperoleh peserta adalah sebanyak RM500 ke

RM1,000 sebulan. Walau bagaimanapun, pemilihan peserta telah dibuat tetapi masih tidak dapat dijalankan disebabkan banjir kilat yang melanda hampir keseluruhan kawasan projek pada 18 November 2020 banjir kilat berpunca daripada pembentung seliaan JKR yang tidak dapat menampung kapasiti air yang luar biasa. Perbincangan bersama FELDA dan JKR telah dibuat pada 23 November 2020 bagi mencari kaedah penyelesaian bagi mengelak kejadian berulang. Dijangka peserta akan mula dimasukkan pada awal Januari 2021.

4. Sehingga akhir Oktober 2020, sebanyak 67 projek telah mendapat kelulusan oleh FELDA dengan nilai RM10.7 juta bagi projek tanaman dan ternakan di rancangan FELDA di seluruh negara. Antara projek tanaman kontan yang telah diluluskan adalah tanaman jangka pendek seperti roselle, herba, sayur, cili dan halia melalui kaedah fertigasi, serta tanaman jangka sederhana dan panjang seperti nanas, pisang, durian dan jambu madu.

5. Sebahagian projek telah dimulakan menerusi pembekalan input pertanian atau peralatan yang telah mula dibekalkan oleh Koperasi Permodalan FELDA (KPF) sebagai ejen perolehan FELDA untuk PPP. Di samping itu, sebanyak 46 projek lagi melibatkan 32 projek individu dan 14 projek koperasi dengan nilai RM4.5 juta akan diluluskan dalam sedikit masa lagi.

6. Bagi memastikan kelancaran PPP, FELDA telah melaksanakan model baru pelaksanaan PPP bersama Agrobank yang mana program Quick Win untuk 10 koperasi dan 40 projek individu sedang dijalankan dengan anggaran nilai menghampiri RM11 juta yang dibiayai oleh FELDA melalui dana PPP.

7. Bilangan projek yang dilaksanakan dijangka akan bertambah dari semasa ke semasa kerana pihak FELDA masih giat melaksanakan penilaian teknikal ke atas permohonan projek dari pihak peneroka dan merangka projek-projek berskala besar yang melibatkan pemain industri pertanian. Pihak FELDA masih dalam penilaian hampir 90 projek peneroka yang dijangka akan memperoleh kelulusan pada penghujung tahun 2020.

SOALAN NO : 162

8. Bagi penyiapan projek terbengkalai Perumahan Generasi Baharu FELDA atau PGBF, daripada 4,794 unit kediaman di 20 lokasi yang telah melepas 70% siap, sebanyak 2,058 unit kediaman di 10 lokasi telah siap dibina dan mendapat Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan atau CCC. Baki 2,020 unit kediaman di 6 lokasi dijadual siap menjelang penghujung tahun 2020 serta 716 unit kediaman di 4 lokasi dijadual siap pada tahun 2021.

9. Bagi penghapusan faedah hutang kebun peneroka, FELDA telah memuktamadkan maklumat hutang keseluruhan 92,459 peneroka yang terlibat dengan program tanam semula. Penyata Hutang peneroka yang terlibat ini akan diedarkan pada bulan Disember 2020 setelah selesai proses pembentangan. Dari jumlah tersebut, FELDA telah meluluskan penghapusan faedah bagi 4,093 peneroka di 26 buah rancangan pada tahun 2019 dengan nilai RM 300 juta.

10. Akhir sekali, bagi tujuan menambahbaik serta melengkapkan kekurangan yang terdapat dalam Kertas Putih yang telah dibentangkan, kerajaan telah menujuhkan Pasukan Petugas Khas yang dipengerusikan oleh Tan Sri Abdul Wahid Omar dan turut disertai oleh Dato' Seri Idris Jusoh, Penggerusi FELDA bagi mencari kaedah terbaik memastikan kemandirian dan kemampunan kewangan FELDA untuk manfaat warga peneroka. Laporan Pasukan Petugas Khas bagi menangani isu FELDA ini telah dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Oktober 2020. Antara cadangan yang diterima oleh Jemaah Menteri ialah:

- i. semula hutang dengan institusi kewangan.
- ii. Meningkatkan pendapatan teras dari tanah ladang FELDA dengan menamatkan Perjanjian Pajakan Tanah (Land Lease Agreement - LLA).
- iii. Meningkatkan daya berdikari peneroka.

SOALAN NO : 162

- iv. Penerbitan sukuk oleh FELDA yang bernilai RM9.9 billion dengan jaminan kerajaan bagi melaksanakan pelan pemulihan FELDA
11. Jemaah Menteri juga telah meluluskan cadangan penerbitan sukuk oleh FELDA bernilai RM9.9 bilion dengan jaminan kerajaan bagi melaksanakan pelan pemulihan FELDA yang dikemukakan. Kedudukan kewangan FELDA dijangka mencatatkan aliran positif bermula tahun 2023 dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut. FELDA akan kembali ke landasannya sebagai sebuah badan yang dihormati dan berdaya maju. Pelaksanaan cadangan-cadangan ini oleh FELDA akan dipantau secara terperinci oleh sebuah jawatankuasa pemantauan yang akan melapor kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.